

Home / Terkini / UTeM jalin kerjasama strategik dengan PACE ITS dari India, perkukuh jaringan antarabangsa

TERKINI - 27 May 2025 02:40 PM

DagangNews.com

## UTeM jalin kerjasama strategik dengan PACE ITS dari India, perkukuh jaringan antarabangsa



UTeM dan Institut Teknologi dan Sains PACE, India telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) baru-baru ini di Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal, Melaka.



Oleh 'AINA SYAZWINA

aina@dagangnews.com

**KUALA LUMPUR 27 Mei** – Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjalin kerjasama strategik

dengan PACE Institute of Technology and Science (PACE ITS), sebuah institusi pendidikan tinggi swasta terkemuka dari India bagi memperkuuh jaringan antarabangsa.

Kerjasama tersebut dimeterai menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani di Bangunan Canselor, Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal.

Naib Canselor UTeM, Profesor Tan Sri Dr Massila Kamalrudin berkata, perjanjian itu merupakan langkah strategik dalam memperkuuh jaringan kerjasama antarabangsa UTeM, khususnya dalam bidang mobiliti pelajar, pembangunan kapasiti, penyelidikan bersama dan pemindahan pengetahuan.

"UTeM dijadualkan menerima 15 pelajar antarabangsa dari PACE Institute of Technology and Science pada Julai 2025, selain projek perundingan pembangunan sahsiah pelajar pada Disember 2025 yang melibatkan penyertaan pelajar institut berkenaan dalam program pembangunan holistik dan kepimpinan."

"Kerjasama dua hala itu juga membuka peluang kepada pelaksanaan geran dan program pembangunan kapasiti yang dapat memperkuuh keterlibatan akademik serta profesional antara kedua-dua institusi," katanya dalam satu kenyataan.

Ia turut memberi tumpuan kepada pengajuran bengkel dan seminar bersama melibatkan bidang seperti Kepintaran Buatan dan Keselamatan Pengkomputeran.

"Usaha ini juga selari dengan Pelan Strategik UTeM dan menyokong Fokus 4 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi," tambah Massila.

Majlis pemeteraian turut dihadiri Dekan Fakulti Kecerdasan Buatan (AI) dan Keselamatan Siber, Prof Madya Ts. Dr. Muhammad Hafiz Fazli Md Fauadi dan Pengarah Pejabat Hubungan Strategik Korporat dan Global (UGlobe), Hazman Hasib. - [DagangNews.com](#)